



JABATAN PENDIDIKAN ISLAM NEGERI TERENGGANU

SOALAN-SOALAN LAZIM ***(FAQ)***

KEMASUKAN MURID TAHUN 1

KE SEKOLAH RENDAH ISLAM DARUL IMAN
(SRIDI)

TAHUN 2022

سكوله رنده اسلام دارالايمان
SEKOLAH RENDAH ISLAM DARUL IMAN

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

1. Apakah jenis sekolah rendah agama di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu?

Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI)

2. Di manakah lokasi SRIDI?

Lokasi SRIDI adalah mengikut kawasan DUN di seluruh negeri Terengganu:

BIL	SEKOLAH	ALAMAT	HUBUNGI
1	SRIDI BANDAR	No. 68-78, Pusat Komersial, Cabang Tiga, 21000 Kuala Terengganu	No.Tel : 09-6205307 Email:srididunbandar@gmail.com
2	SRIDI BULUH GADING	Lot 1F18 Kompleks Usahawan Terengganu Kampung Kubang Jela, 21200 Kuala Terengganu	No.Tel : 09-6151591 Email:sridibuluhgading@gmail.com
3	SRIDI PENGKALAN BERANGAN	Kompleks Perniagaan Majlis Daerah Marang, Kg Binjai Rendah Bukit Payong 21400 Marang Terengganu	No. Tel : 09-6191043 Email: sridi.pb.br@gmail.com
4	SRIDI BUKIT BESIT	Jalan Sultan Ahmad, 23400 Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Dungun, Terengganu.	No. Tel : 09-8222202 Email: sridiams@gmail.com
5	SRIDI AJIL	Blok D, Bangunan Pusat Dagangan Ajil (ATC), Pekan Ajil , 21800 Ajil, Terengganu.	No. Tel : 09-6862500 Email: sridiajil@gmail.com
6	SRIDI KOTA PUTERA	SRIDI Kota Putera, Kampung Raja, 22200, Besut, Terengganu.	No. Tel : 09-6950109 Email:sridi.kampungraja@gmail.com
7	SRIDI PAKA	D/A Sekolah Agama Rakyat Felde Kerteh 1, Ketengah Jaya, 23300 Dungun, Terengganu.	No. Tel : 09-8202022 Email: sridipaka@gmail.com
8	SRIDI PERMAISURI	Lot 2403 & 2404, Tingkat Bawah 1 & 2, Wisma Yayasan Islam Terengganu, Bandar Permaisuri, 22100 Setiu, Terengganu.	No. Tel : 09-6091175 Email: sridipermaisuri@gmail.com
9	SRIDI KIJAL	2-12, Bangunan Majlis Perbandaran Kemaman, Kompleks Paya Lasir, 24100 Kijal, Terengganu.	No. Tel : 09-8637428 Email: sridikijal2020@gmail.com
10	SRIDI CHUKAI		No. Tel : 09-6252525

3. Apakah syarat atau kriteria penilaian murid ke Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI)?

- ✓ Berumur 7 Tahun Pada Sesi 2021
- ✓ Sihat Tubuh Badan
- ✓ Warganegara Malaysia Dan Rakyat Negeri Terengganu Darul Iman
- ✓ Mahir Membaca Al-Quran
- ✓ Mahir Membaca, Mengira Dan Menulis Jawi & Rumi
- ✓ Lulus ujian & temuduga yang dijalankan

4. Apakah Keistimewaan SRIDI

- ✓ Sesi Pembelajaran Bermula 8.00 Pagi-4.00 Petang
- ✓ Sukatan Akademik Mengikut Kurikulum KSSR (Kementerian Pendidikan Malaysia)
- ✓ Sukatan Kurikulum Negeri (Diniyyah) Disediakan Oleh Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu (JPINT)
- ✓ Skim Pinjaman Buku Teks
- ✓ Penekanan Latihan Amali Fardu Ain Dan Hafazan Al-Quran
- ✓ Aktiviti Kokurikulum Yang Menarik Demi Kekuatan Jati Diri Murid

5. Bagaimanakah cara untuk memohon/mendaftar anak ke Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI)

Permohonan kemasukan ke Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) boleh dibuat secara on-line sepenuhnya melalui laman sesawang berikut :-

Laman sesawang :

sridionline.terengganu.gov.my

6. Adakah SRIDI menyediakan kemudahan untuk mengisi permohonan secara atas talian?

Ya. Sekiranya ibu bapa tidak mempunyai kemudahan & akses internet di rumah, ibu bapa boleh membuat pengisian permohonan di SRIDI berhampiran. Ibu bapa juga boleh mengunjungi Pusat Akses Internet Rakyat (PINTAR) yang

berdekatan untuk membuat pengisian borang permohonan.

7. Siapakah yang boleh memohon?

Murid lepasan Pra-Sekolah, tadika, Tabika Kemas, dan Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) dan mana-mana Tadika yang berdaftar dengan KPM.

8. Bolehkah murid Tahun 2 hingga tahun 6 memohon?

Tidak. Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) hanya membuka pengambilan dan menawarkan kemasukan ke Tahun 1 sahaja.

9. Bagaimana cara untuk mengakses sistem permohonan?

Bagi mengisi borang permohonan, semakan ke ujian & temu duga, status permohonan sama ada berjaya atau gagal dan mencetak surat tawaran, ibu bapa perlu memasukkan nombor MyKID anak sebagai 'kata laluan' untuk mengakses sistem sridionline.terengganu.gov.my

10. Bilakah tarikh permohonan dibuka?

Permohonan ke Tahun 1 Sekolah Agama Negeri Terengganu bagi kemasukan sesi 2022 ialah pada 29 Ogos 2021. Tarikh tutup permohonan ialah pada 29 September 2021.

11. Sekiranya akses disekat, apa yang perlu dilakukan?

Ibu bapa perlu merujuk pihak SRIDI yang berhampiran. Sekiranya masalah tidak dapat diselesaikan, perlu merujuk kepada Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu (JPINT).

12. Apakah persamaan/perbezaan pembelajaran di SRIDI dengan Sekolah Kebangsaan (KPM)?

Murid di SRIDI belajar mata pelajaran KSSM dan Kurikulum Agama Negeri yang disediakan oleh Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu (JPINT).

13. Bagaimana murid SRIDI dipilih?

Berdasarkan keputusan ujian dan temu duga serta jumlah kapasiti sekolah.

14. Anak saya ditawarkan masuk ke tahun 1 SRIDI, apakah persediaan pakaian/uniform sekolah yang perlu disediakan?

- ✓ Bagi murid lelaki ialah baju kemeja berwarna putih dan berlengan pendek, seluar panjang berwarna hijau gelap, stoking hitam/gelap, kasut hitam dan berkopiah hitam.
- ✓ Bagi murid perempuan pula, pakaiannya ialah baju kurung berwarna putih, kain berwarna hijau gelap, stoking hitam/gelap, kasut hitam, tudung labuh dan scarf berwarna putih.

15. Apakah tindakan ibu bapa selepas membuat pengisian permohonan secara atas talian?

Ibu bapa perlu mencetak salinan borang permohonan, mencetak slip panggilan ujian & temu duga pada tarikh semakan panggilan ujian & temu duga. Kemudian sediakan dokumen-dokumen yang perlu dibawa semasa temu duga.

16. Apakah dokumen yang perlu dibawa semasa sesi ujian & temu duga

- ✓ Borang permohonan (sebagai bukti permohonan telah dibuat)
- ✓ Slip panggilan temu duga (cetak pada tarikh semakan panggilan ujian & temuduga)
- ✓ Asal dan Salinan Sijil Kelahiran/Surat Beranak/Sijil Anak Angkat
- ✓ Asal dan Salinan MyKID pemohon
- ✓ Asal dan Salinan Kad Pengenalan bapa
- ✓ Asal dan salinan Kad pengenalan ibu
- ✓ Asal dan salinan Sijil Nikah/Surat Cerai Ibu bapa
- ✓ Sijil Kematian Ibu/Bapa (jika ibu bapa telah meninggal dunia)
- ✓ Akuan Bermastautin di Terengganu (jika ibu atau bapa bukan rakyat Terengganu)
- ✓ Akuan kesihatan Murid/Laporan Kesihatan/Rekod Kesihatan Murid

- ✓ Bil Elektrik (TNB) atau Air (SATU) atau Cukai Pintu (Bukti Tempat Tinggal Semasa)

17. Bagaimanakah ibu bapa boleh mengikuti perkembangan SRIDI?

Ibu bapa boleh melayari facebook page SRIDI yang berkenaan seperti berikut:

- Sekolah Rendah Islam Darul Iman Dun Bandar
- Sekolah Rendah Islam Darul Iman - SRIDI Buluh Gading
- Sekolah Rendah Islam Darul Iman SRIDI Pengkalan Berangan, Marang
- Sekolah Rendah Islam Darul Iman - SRIDI Ajil
- Sekolah Rendah Islam Darul Iman, AMBS
- Sekolah Rendah Islam Darul Iman Paka - SRIDI PAKA
- Sekolah Rendah Islam Darul Iman Kijal - SRIDI KIJAL
- Sekolah Rendah Islam Darul Iman - SRIDI Permaisuri, Setiu
- Sekolah Rendah Islam Darul Iman Kota Putera - SRIDI Kota Putera

18. Apakah kontak/tempat yang boleh dihubungi oleh ibu bapa jika menghadapi sebarang permasalahan pengisian borang?

Ibu bapa boleh menghubungi SRIDI yang berhampiran:

- SRIDI BANDAR : 09-6205307
- SRIDI BULUH GADING : 09-6151591
- SRIDI PENGKALAN BERANGAN : 09-6191043
- SRIDI BUKIT BESI : 09-8222202
- SRIDI AJIL : 09-6862500
- SRIDI KOTA PUTERA : 09-6950109
- SRIDI PAKA : 09-8202022
- SRIDI PERMAISURI : 09-6091175
- SRIDI KIJAL : 09-8637428
- SRIDI CHUKAI : 09-6252525

atau Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu (JPINT):

Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu

Pusat Pentadbiran Islam Negeri,

Tingkat 2, Kompleks Seri Iman,

Jalan Sultan Mohamad

20676 Kuala Terengganu

No. Telefon : 09-6252525

FB page : Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu

Unit Hal Ehwal Murid

Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu

Kemaskini: 26 Ogos 2021

